

# Bincang usaha perkukuh hubungan

BH - 13/12/2019

m/s: 2

Tun M diberi sambutan rasmi  
di Istana Emir Qatar, Amiri Diwan



**Tun** Dr Mahathir Mohamad menghadap Emir Qatar, Sheikh Tamim Hamad Al Thani, di istananya, di sini, semalam.

Perdana Menteri diiringi isteri, Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali, dan Menteri Luar, Datuk Saifuddin Abdullah serta Menteri Pertahanan, Mohamad Sabu.

Perdana Menteri yang dalam rangka lawatan rasmi empat hari ke Qatar diberi sambutan rasmi negara dengan lagu kebangsaan kedua-dua negara dimainkan di Istana Emir Qatar, Amiri Diwan.

Dr Mahathir kemudian memeriksa barisan kawalan kehormat dibarisi Pengawal Istiadat Amiri.

Lawatan itu adalah atas undangan Emir Qatar.

Ini adalah lawatan pertama Dr Mahathir ke Qatar selepas dilantik sebagai Perdana Menteri ketujuh Malaysia pada Mei tahun lalu.

Perdana Menteri dan Emir Qatar kemudian mengadakan per-



**Dr Mahathir bersama Sheikh Tamim** pada majlis sambutan rasmi di Istana Emir Qatar, Amiri Diwan, semalam.

(Foto BERNAMA)

temuan empat mata bagi membincangkan usaha untuk mengukuhkan hubungan antara Malaysia dan Qatar serta isu lain yang menjadi kepentingan bersama.

Kedua-dua pemimpin itu menyaksikan perjanjian persefahaman (MoU) berhubung penubuhan Jawatankuasa Bersama peringkat Tertinggi antara Kemen-

terian Luar kedua-dua negara.

Sheikh Tamim kemudian meraikan Dr Mahathir dan anggota delegasi beliau pada majlis jamuan makan tengah hari.